

## **Penerimaan Pelajar Prasiswazah KUIS Terhadap Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Secara Atas Talian Sebagai Medium Pembelajaran Dalam Era Pandemik Covid-19**

NOR SUHAILY BAKAR

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia

[norsuhaily@kuis.edu.my](mailto:norsuhaily@kuis.edu.my)

NUR ASMA IRSYAH

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia

SHUHAIMI JAAFAR

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penerimaan pelajar terhadap Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, Selangor. Kajian ini diukur daripada aspek faktor pengetahuan, sikap dan motivasi pelajar. Instrumen kajian yang digunakan adalah set borang soal selidik yang mengandungi 25 item berskala likert. Responden terdiri daripada 162 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM), KUIS bagi semua program di KUIS, Bandar Seri Putra, Selangor. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Versi 20.0 untuk melihat min, peratusan, kekerapan, korelasi pearson dan analisis regresi berganda. Hasil kajian menunjukkan responden memberikan jawapan yang positif terhadap kesemua tiga faktor kajian yang dikaji iaitu dari aspek tahap pengetahuan, sikap dan tahap motivasi iaitu masing-masing menunjukkan korelasi person sebanyak  $r = 0.496^{**}$ ,  $r = 0.664^{**}$  dan  $r = 0.712^{**}$ . Kesemua faktor menunjukkan tahap yang tinggi terhadap penerimaan pelajar terhadap kaedah PdP ONLINE sebagai medium pembelajaran. Ini memberi petunjuk bahawa kebanyakan responden mempunyai pandangan positif terhadap penerimaan penggunaan PdP ONLINE dalam era pandemik Covid-19. Namun begitu berdasarkan dapatan analisis regresi berganda faktor paling dominan terhadap penerimaan kaedah PdP secara atas talian adalah faktor motivasi.

*Kata kunci:* Penerimaan, pengetahuan, sikap, motivasi dan PdP atas talian

### **PENGENALAN**

Peluang dan cabaran untuk melaksanakan pendekatan pembelajaran berasaskan teknologi mudah-alih (e-pembelajaran) di institut pengajian tinggi (IPT) Malaysia telah dibincangkan (Shamsul Arriyea 2011). Dalam kajian ini, ia dilihat sebagai satu cabaran besar bagi mewujudkan penerimaan para pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran dalam era pandemik covid-19. Oleh yang demikian, pengkaji telah memperincikan permasalahan kajian secara umum yang dihadapi oleh pelajar-pelajar IPT. Permasalahan kajian ini dipecahkan kepada tiga masalah utama, iaitu kebolehcapaian internet, kewangan dan juga pengurusan masa.

Pertama sekali, sewaktu proses pembelajaran secara atas talian berlangsung, pelajar perlu menggunakan internet (data) yang harus dibeli untuk mengakses masuk ke dalam kelas atau mendapatkan maklumat untuk tugasan atau kerja rumah yang diberi oleh pensyarah. Menurut Fakrul (2020), belajar di luar kelas seperti dalam talian benar-benar memberi cabaran kepada pelajar apatah lagi sekiranya tinggal di luar bandar yang mempunyai masalah kepada capaian internet. Hal ini tercetus disebabkan tidak semua pelajar ataupun ahli keluarga mereka mempunyai alat elektronik dan akses internet, yang merupakan halangan paling besar untuk mewujudkan kaedah pembelajaran dalam talian. Seperkara lagi, tidak semua pelajar mempunyai akses rangkaian internet yang bagus di tempat tinggal mereka, terutamanya di kampung dan pedalaman (Anuar Ahmad, 2020). Para pelajar juga perlu memilih jenis talian (telco) yang mempunyai capaian internet yang baik di kawasan kediaman mereka. Bagi pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman, agak sulit bagi mereka untuk mendapat capaian internet dengan baik dan ada juga di kawasan mereka yang tidak dapat mengakses internet sama sekali. Rentetan itu, tular pelbagai berita seperti, ‘pelajar memanjang pokok untuk menjawab peperiksaan atas talian’, ‘pelajar jatuh jambatan semasa mencari capaian internet’ dan isu-isu lain. Namun demikian, kekangan yang wujud dalam PdP secara dalam talian seperti masalah capaian Internet, ketiadaan peranti digital pintar serta sikap pelajar sendiri merupakan cabaran yang perlu diharungi bagi memastikan proses pembelajaran diteruskan (Berita Harian, 2020).

Sehubungan dengan hal itu, pelajar juga perlu mengeluarkan wang untuk membeli (data) internet. Rentetan itu, ia telah mencetuskan isu kewangan, tambahan bagi pelajar yang berada dalam kalangan keluarga B40. Untuk menjalani pembelajaran dalam talian, pelajar perlu mempunyai data internet yang mencukupi sekali gus menyebabkan mereka memerlukan wang untuk membeli internet (data) tersebut bagi tujuan mengikuti kelas dalam talian, membuat tugasan, kerja rumah dan banyak lagi (Tamara et al, 01). Tambahan pula, membeli internet (data) yang terdiri dari pelbagai pakej sememangnya memerlukan wang yang banyak. Mereka terpaksa berbelanja banyak untuk memudahkan komunikasi (Mohan, 2020). Malahan, terdapat segelintir pelajar yang terpaksa melakukan kerja sambilan untuk menampung kewangan semasa belajar.

Seperkara lagi, cabaran utama dalam aspek pembelajaran secara dalam talian adalah kelemahan dalam pengurusan masa di kalangan pelajar. Kajian-kajian lepas (Misra & McKean, 2000; Kearns & Gardiner, 2007) menunjukkan bahawa pengurusan masa mempunyai hubungan dengan tahap stres dalam kalangan pelajar. Pengurusan masa yang lemah akan menyebabkan peningkatkan stres pelajar dan boleh mengurangkan tahap penerimaan pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran secara atas talian ini. Mereka perlu membahagikan masa antara jadual kuliah, tutorial dan tugasan dengan bijak dan teliti. Malah, pembelajaran secara bersemuka dapat membuatkan pelajar lebih fokus berbanding pembelajaran dalam talian. Hal ini berlaku kerana, semasa pembelajaran dalam talian berlangsung, pelajar berada di rumah dan bebas untuk melakukan apa sahaja kerana pensyarah tidak boleh memantau pergerakan pelajar seperti di dalam kelas. Gangguan persekitaran di rumah juga boleh menyebabkan pelajar tidak fokus kepada PdP dalam talian. Komitmen lain yang terdapat di rumah seperti membantu ibu bapa dan tanggungjawab sehari-hari telah menyebabkan pengurusan masa pelajar menjadi tidak terurus. Pembelajaran secara atas talian juga tidak dapat membentuk disiplin semasa belajar kerana kurang pengawasan dan pelajar lebih cenderung untuk bersikap sambil lewa disebabkan kurangnya pemantauan ini. Tambahan pula, tenaga pengajar juga tidak dapat mengukur kemampuan para pelajarnya kerana tidak bersemuka dan berbincang secara perseorangan. Kelemahan PdP secara dalam talian ini juga diakui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mendapati bahawa PdP secara dalam talian di samping belajar dari rumah kurang berkesan berbanding secara bersemuka. Hal ini

dinyatakan Menteri Kanan (Pendidikan), Dr Mohd Radzi Jidin iaitu kementerian sedar terdapat kelemahan dalam pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian yang sedang dijalani pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (myMetro, 2020).

### **Persoalan Kajian**

1. Apakah tahap penerimaan pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran dalam era pandemik COVID-19?
2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pengetahuan dan penerimaan pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran dalam era pandemik COVID-19?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sikap dan penerimaan pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran dalam era pandemik COVID-19?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan terhadap faktor motivasi dan penerimaan pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran dalam era pandemik COVID-19?
5. Apakah faktor yang paling dominan penerimaan pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran dalam era pandemik COVID-19?

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Pengenalan Pembelajaran Secara Dalam Talian Atau E-Pembelajaran**

Menurut Nsiah-Gyabaah, K. (2011), tanpa ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan ICT, seseorang individu agak sukar untuk bersaing dalam dunia moden ini. Dalam era globalisasi ini, keperluan pembelajaran berubah dan pelajar harus mengembangkan kecekapan dan kemahiran yang diperlukan oleh mereka. Ratheeswari, K. (2018) menyatakan bahawa, dalam era digital, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi atau Information and Communications Technology (ICT) dapat memberikan peluang kepada pelajar untuk belajar dan mengaplikasi kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh mereka di alaf 21.

Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan statistik penggunaan ICT oleh individu di Malaysia bagi tahun 2018 dan 2019. Statistik tersebut menunjukkan peratusan penggunaan internet oleh individu di Malaysia iaitu sebanyak 3% daripada 81.2% pada tahun 2018 kepada 84.2% pada tahun 2019. Peratusan penggunaan telefon bimbit oleh individu pula kekal sebanyak 97.9% pada tahun 2018 dan 2019. Akhir sekali, peratusan bagi penggunaan komputer oleh individu menunjukkan peratusan sebanyak 1.6% daripada 70.5% pada tahun 2018 kepada 72.1% pada tahun 2019. Statistik ini diambil daripada hasil Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2019.

Melihat daripada statistik tersebut, ianya cukup jelas untuk membuktikan bahawa sekurang-kurangnya 70% individu di Malaysia menggunakan ICT dalam kehidupan mereka samada menggunakan internet, telefon bimbit atau komputer. Oleh yang demikian, PdP secara atas talian adalah medium yang paling berkesan untuk memastikan kesinambungan proses pembelajaran sewaktu pandemik COVID-19 ini melanda Negara kita.

## **Isu Pandemik Covid Terhadap Sistem Pembelajaran Pelajar Di Malaysia**

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), pada Januari 2020 telah mengisytiharkan situasi pandemik yang sangat mengancam kesihatan disebabkan oleh penularan sejenis wabak baharu jenis korona, yang dikenali sebagai wabak Covid-19 (Ehwan Ngadi, 2020). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengkategorikan situasi penularan COVID-19 sebagai pandemik kerana ianya merupakan penyakit berjangkit yang merebak melalui populasi manusia dan merentasi kawasan luas hingga melepassi sempadan negara dan benua, malah ke seluruh dunia. Pada masa itu, dunia telah dikejutkan dengan berita penularan wabak baharu ini yang telah dikenal pasti berpunca daripada Bandar Wuhan di China. Berikut daripada penularan wabak ini, ia telah mengakibatkan peningkatan bilangan kes kematian secara drastik. Seperti yang diketahui ramai, wabak Covid-19 ini telah mula dikesan oleh WHO sekitar bulan November 2019 di Bandar Wuhan dan ia telah merebak ke serata negara sehingga ke hari ini. Akibat daripada penularan wabak pandemik Covid-19 ini, ia telah memberi kesan terhadap pelbagai sektor di seluruh dunia.

Susulan daripada pandemik Covid-19 ini, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 lalu yang mengarahkan seluruh masyarakat untuk saling berkerjasama bagi mengawal penularan wabak Covid-19 daripada terus merebak (Muzaffar Syah, 2020). Susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tersebut, sektor pembelajaran di negara ini merupakan sektor yang menerima impak besar apabila kerajaan terpaksa mengambil langkah menutup operasi pembelajaran normal di semua institusi pendidikan seluruh negara bagi mencegah penyebaran virus COVID-19 yang rancak pada waktu itu. Menurut sumber United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), pandemik COVID-19 memberi kesan kepada 1.5 bilion pelajar daripada lebih 165 buah negara di seluruh dunia (Wan Ya Shin, 2020). Umum mengetahui bahawa pada awal tahun 2020, sekolah dan IPT telah pun memulakan operasi seperti biasa yang mana aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara bersemuka. Akan tetapi, ia telah berubah sepenuhnya apabila segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka terpaksa dihentikan dan dijalankan sepenuhnya secara atas talian dalam tempoh pelaksanaan PKP (Ehwan Ngadi, 2020).

Penutupan institusi pendidikan tinggi dan sekolah disebabkan oleh pandemik COVID-19 ini telah memberi kesan terhadap struktur Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) iaitu daripada kaedah PdP secara langsung di institusi kepada PdP secara atas talian sepenuhnya. Mesyuarat Khas Menteri-menteri mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 16 Mei 2020 telah meluluskan cadangan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berkenaan pengendalian aktiviti akademik di kampus Institusi Pengajian Tinggi (IPT) semasa dan pasca PKP. KPT menerusi kenyataan media bertarikh 27 Mei 2020 memaklumkan bahawa semua aktiviti PdP hendaklah dilaksanakan secara atas talian dan semua aktiviti PdP secara bersemuka adalah tidak dibenarkan kecuali beberapa kategori pelajar yang berkeperluan untuk pulang ke kampus secara berperingkat bagi melaksanakan PdP dengan mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan serta mengutamakan langkah keselamatan serta penjarakan sosial. Jika dilihat pada masa kini, terdapat pelbagai jenis medium yang boleh digunakan oleh golongan pendidik untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Ia sebagai satu usaha untuk memastikan semua pelajar tidak ketinggalan di dalam aktiviti pembelajaran mereka. Platform digital seperti Google Classroom, Google Meet, dan Zoom antara yang digunakan oleh para pensyarah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Menurut Nor Fauziana (2020), kaedah PdP secara atas talian ini menuntut komitmen dan

kerjasama daripada semua pihak terutamanya dari segi pengetahuan dan kemahiran berkaitan teknologi. Justeru itu, semua pihak haruslah mempersiapkan diri bagi menghadapi norma baharu, iaitu pelaksanaan PdP secara atas talian yang menyeluruh dalam era pandemik Covid-19 ini demi kelangsungan proses pembelajaran para pelajar.

### **Penerimaan Pelajar Terhadap Pembelajaran Secara Dalam Talian**

Corak pendidikan berunsur e-pembelajaran sebenarnya telah bermula sejak awal tahun 90-an lagi. Ramai penyelidik dari luar negara telah mengkaji tentang e-pembelajaran ini. Antaranya, kajian Shirley (2001) yang melihat kepada pembangunan dan pengalaman e-pembelajaran. Pengkaji telah mencadangkan rangka kerja yang lebih komprehensif untuk pembangunan, reka bentuk dan pelaksanaan e-pembelajaran dalam pendidikan tinggi yang berasaskan kajian Trigwell (1995) terhadap tahap pengaruh kepada pembelajaran pelajar. Rangka kerja yang telah dicadangkan adalah untuk membangunkan lagi kapasiti bagi menyampaikan kursus-kursus e-pembelajaran dari pelbagai sudut seperti dalam konteks universiti, sokongan dan peruntukan terhadap mekanisma pembangunan. Hal ini adalah penting dan berfungsi sebagai inisiatif e-pembelajaran seperti visi e-pembelajaran di institusi, kemudahan untuk menyediakan sokongan teknologi kepada ahli akademik dan pelajar, peluang pembangunan pusat pengajian dan peruntukan pelepasan masa untuk pusat pengajian yang terlibat dalam pembangunan e-pembelajaran, dan pembangunan perancangan teknologi dan polisi pusat pengajian yang berkait dengan e-pembelajaran. Kombinasi ini akan meningkatkan pengalaman pelajar terhadap e-pembelajaran

Di Malaysia, kebanyakan IPTA awam dan swasta pada masa kini telah menyediakan kemudahan rangkaian komputer dan Internet untuk menggalakkan persekitaran e-pembelajaran bagi kegunaan masyarakat kampus. Secara keseluruhan, tahap penerimaan dan aplikasi e-pembelajaran di IPT sebagai alat pembelajaran berada pada tahap yang memuaskan (Zailan & Azmi 2006). Ini adalah kerana perlaksanaan dan pembangunan MSC di Malaysia pada tahun 1999 telah mewujudkan kemudahan rangkaian bagi penggunaan komputer dan multimedia dengan lebih murah, mudah dan lebih pantas. Ia mewujudkan kemudahan bagi kebanyakan IPT untuk membangun dan menyediakan kemudahan kepada para pelajar, di samping merealisasikan matlamat menjadi negara maju menjelang Wawasan 2020 (tahun dua-puluh dua-puluh). Merujuk kepada beberapa kajian yang dijalankan jelas menunjukkan bahawa kesan penggunaan dan kemampuan pelajar dalam mengoptimumkan kelebihan teknologi di IPT amat menggalakkan. Jika gaya pembelajaran seperti ini berterusan, e-pembelajaran akan menjadi antara pemangkin utama sistem pendidikan pada tahun-tahun mendatang.

Kesimpulannya, e-pembelajaran ialah penyampaian pendidikan atau latihan melalui Internet dengan menggunakan komputer. Skop penggunaannya menjangkau lebih daripada konsep pembelajaran berbentuk komputer atau multimedia yang sering dibincangkan satu masa dahulu. Melalui kaedah e-pembelajaran, pembelajaran, pemikiran kritis dan kreatif boleh berlaku dengan berkesan. Ini selari dengan hasrat kerajaan Malaysia dalam Rancangan Malaysia keSembilan yang ingin memajukan ekonomi melalui e-ekonomi iaitu ekonomi berlandaskan elektronik.

### **Faktor Penerimaan Pembelajaran Atas Talian**

E-pembelajaran pada peringkat pendidikan tinggi menjadi kaedah pembelajaran pada masa hadapan. Selain lebih efektif, ia juga berupaya dalam mempercepatkan pengajaran dan proses pembelajaran. Penerimaan e-pembelajaran bukan sahaja untuk menukar modul tradisional, kos program dan kelas versi atas talian, bahkan penggunaan teknologi e-pembelajaran boleh

menyumbang kepada persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel. Oleh yang demikian, pengkaji telah memperincikan faktor penerimaan pembelajaran atas talian. Faktor penerimaan pembelajaran atas talian ini dipecahkan kepada tiga iaitu faktor pengetahuan, faktor sikap dan juga faktor motivasi.

## **1. Faktor Pengetahuan**

Faktor penerimaan pembelajaran atas talian yang pertama adalah faktor pengetahuan. Menurut Johnson, Whittington dan Scholes (2005), pengetahuan didefinisikan sebagai suatu kebiasaan, kesedaran atau keinsafan yang dapat diperoleh melalui pembelajaran atau pengalaman. Proses pembinaan pengetahuan boleh menjadi sebahagian daripada bagaimana seseorang pelajar itu bertindak balas dan berinteraksi di dalam kelas (Jonassen, 2000). Pembinaan pengetahuan dijangkakan berlaku sewaktu berinteraksi dengan orang lain dan sebahagian besarnya berdasarkan rangsangan yang disediakan oleh orang lain di mana pengetahuan sebelum akan diaktifkan, keraguan dan persoalan dikongsi, jawapan pula akan dicari bersama, lalu maklumat akan ditukar, dan akhirnya pengetahuan baru dicipta (Meijden, 2005). Pengetahuan ini termasuklah pengetahuan spesifik ataupun kombinasi pengetahuan melalui satu pemerhatian, pengalaman kerja terdahulu, latihan dan pembelajaran.

Selain itu, Alavi (1994) pula memberi kenyataan bahawa model kognitif mencirikan pembelajaran adalah apabila pelajar terlibat dan melalui proses aktif di mana pelajar itu membina makna daripada bahan yang dikaji dengan memproses melalui model mental yang sedia ada. Pengurusan pengetahuan ialah satu proses memperoleh, pengubahsuaian, transformasi dan perkongsian pengetahuan (Alavi dan Leidner, 2001). Menggunakan kitaran pengurusan pengetahuan yang melibatkan proses penciptaan, penyimpanan, pemindahan pengetahuan dan juga aplikasi pengetahuan iaitu merupakan kaedah yang sistematik dan tersusun bagi menguruskan pengetahuan dalam organisasi yang dapat meningkatkan kualiti dan juga kecekapan pelajar dalam menyempurnakan sesuatu tugas (Aini dan Rosma, 2012).

## **2. Faktor Sikap**

Selain itu, penerimaan pembelajaran atas talian juga dipengaruhi oleh faktor sikap. Perlakuan individu sangat dipengaruhi oleh sikap individu tersebut terhadap sesuatu perkara yang dilakukan. Sikap yang positif akan sentiasa membawa kepada perlakuan yang positif dan begitu juga sikap sebaliknya, sikap yang negatif sentiasa membawa kepada perlakuan yang negatif (Manusia et al., 2005). Kenyataan ini disokong oleh Bandura (1994) yang mendapati bahawa sikap positif terhadap pembelajaran memberi kesan yang kuat kepada motivasi pelajar. Menurut Veloo & Muhammad (2011), tabiat merujuk kepada sesuatu yang dapat dimiliki, konsisten, kaedah pembelajaran berkesan dan tabiat. Hal ini berkait rapat dengan tabiat pelajar itu sendiri sama ada menjadikan penggunaan E-Pembelajaran (E-Learning) sebagai satu kepentingan ketika menggunakan internet atau sebaliknya. Menurut Veloo & Muhammad (2011), tabiat merujuk kepada sesuatu yang dapat dimiliki, konsisten, kaedah pembelajaran berkesan dan tabiat. Selain itu, Zainal (2014) menyatakan sikap atau minat terhadap PdP dapat membudayakan amalan literasi digital bagi semua warga akademik institusi supaya mendukung konsep pembelajaran atas talian sebagai kaedah pembelajaran yang efektif.

### **3. Faktor Motivasi**

Tahap penerimaan pembelajaran dalam talian seseorang pelajar sangat bergantung kepada tahap motivasi pelajar itu sendiri (Dana, 2013). E-Pembelajaran (E-Learning) memerlukan motivasi diri sendiri (Pollard & Hillage, 2001; Timura, 1995), dedikasi dan disiplin diri sendiri (Pollard & Hilage, 2001). Di samping itu, Motivasi terhadap pembelajaran memainkan peranan penting dalam pencapaian pelajar (Williams & Williams, 2011). Motivasi pelajar dilihat sinonim dengan minat terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (Taormina & Gao, 2013). Disebabkan oleh itu, memberikan peluang pendidikan yang saksama dan mencerdaskan minda serta menajamkan akal mampu dijadikan sebagai motivasi kepada pelajar dalam pembelajaran dalam talian. Hall dan Lindzey (Abdul Hamid, et al. 1999) menyatakan bahawa ahli psikologi bersepakat bahawa setiap individu boleh dan berpotensi untuk maju dalam segala aspek kehidupan mereka sekiranya mereka dibimbang dengan baik dan sempurna. Pendekatan ini dapat melonjakkan motivasi murid untuk mencabar dan meneroka keupayaan diri (Corno & Anderman, 2015). Secara umumnya, motivasi menurut Matsumoto (2009) bermaksud kesediaan untuk berusaha dalam mengejar sesuatu matlamat. Salah satu aspek penting dalam pembangunan dan kecemerlangan pelajar adalah motivasi pelajar itu sendiri dan sekaligus memberi impak positif dalam pencapaian akademik pelajar. Pelajar yang mempunyai motivasi adalah pelajar yang mempunyai minat untuk belajar dan ada usaha untuk berubah kearah lebih baik. Tidak dinafikan, amalan pengajaran guru juga menjadi salah satu faktor yang mendorong motivasi pelajar (Nik Shahrul Nizan, 2014). Ini selaras dengan kehendak dasar pembelajaran pendigitalan negara dan pendidikan abad ke-21 yang mengetengahkan pembelajaran berpusatkan pelajar.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kuantitatif di mana borang soal selidik diedarkan kepada pelajar Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor untuk tujuan pengumpulan data.

### **Populasi dan Persampelan**

Persampelan membolehkan maklumat diperoleh daripada satu kumpulan yang besar. Kumpulan yang besar dikenali sebagai populasi. Berdasarkan kajian ini, populasi yang terlibat adalah pelajar yang mengambil Ijazah Sarjana Muda (ISM), Fakulti Pengurusan dan Muamalah di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang berjumlah 877 orang pelajar aktif dan lulus markah mentoring serta tidak termasuk pelajar menjalani latihan industri (Sumber : Analisa Keseluruhan Permarkahan Aktiviti Mentoring Sesi II 2020/2021 daripada Pejabat Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, FPM).

### **Saiz Sampel**

Menurut Krejcie & Morgan (1970) di mana populasi sasaran adalah 877, maka saiz sampel adalah 265 iaitu 30 peratus amat mencukupi.

**Jadual 1: Saiz Sampel**

<b>Populasi</b>	<b>Sampel</b>	<b>Edaran “Google Form”</b>	<b>Sampel dijawab</b>
877	265	265	162

### **Kebolehpercayaan Analisis Dalam Instrumen Kajian**

Bagi mengukur kebolehpercayaan analisis dengan menggunakan perisian IBIM SPSS Statistik Versi 20.0 telah digunakan dalam kajian ini. Jadual menunjukkan statistik kebolehpercayaan analisis terhadap 32 orang responden.

Melalui Cronbach's Alpha, pengkaji dapat membuat ukuran kekuatan statistik kebolehpercayaan bagi kajian ini. Rujuk jadual 2 di bawah.

**Jadual 2 Statistik Kebolehpercayaan**

N	Cronbach Alpha
32	0.821

Menurut Lay Yoon Fah & Kooh Chwee Hoon (2009), kebolehpercayaan merupakan darjah keperisian dan ketepatan bagi ukuran yang telah dibuat oleh sesuatu instrumen kajian. Jadual 3 menunjukkan rumusan bagi ujian kebolehpercayaan terhadap pembolehubah yang digunakan di dalam kajian ini.

**Jadual 3 Ujian Kebolehpercayaan (Reliability Test)**

Item	Cronbach Alpha
1. Faktor Pengetahuan	0.829
2. Faktor Sikap	0.795
3. Faktor Motivasi	0.910
4. Penerimaan Kaedah PdP ONLINE	0.751

Cronbach alpha bagi faktor pengetahuan pengetahuan ialah 0.829, cronbach alpha bagi faktor sikap ialah 0.795, cronbach alpha bagi faktor motivasi pula ialah 0.910. yang terakhir, cronbach alpha bagi Penerimaan Kaedah PdP ONLINE ialah 0.751. Berdasarkan pengukuran cronbach alpha, ujian kebolehpercayaan bagi kesemua faktor adalah berada pada tahap yang tinggi.

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **Skor Min**

Analisis pengelasan skor min dan tahap penilaian digunakan berdasarkan jadual 4.

**Jadual 4 Analisis Pengelasan Skor Min dan Tahap Pengelasan**

Bil	Skor Min	Tahap Penilaian
1	1.00 – 1.67	Rendah
2	1.68 – 3.35	Sederhana
3	3.36 – 5.00	Tinggi

*Sumber: Azhar (2006)*

Taburan nilai skor min dan keputusan bagi penilaian mengenalpasti tahap penerimaan pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE)

sebagai medium pembelajaran dalam era pandemik COVID-19 iaitu objektif pertama bagi kajian ini ditunjukkan dalam berikut.

**Objektif Pertama: Mengenalpasti tahap penerimaan pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran dalam era pandemik COVID-19**

Jadual 5 berikut menunjukkan skor min dan tahap penerimaan pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian sebagai medium pembelajaran dalam era pandemik COVID-19.

**Jadual 5 Skor Min Dan Tahap Penerimaan Pelajar IPT Terhadap Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp) Secara Atas Talian (ONLINE) Sebagai Medium Pembelajaran**

Bil.	Item	Min	Tahap
E-1	Pemahaman yang diterima adalah sangat faham.	3.1813	Sederhana
E-2	Dengan bantuan pensyarah menjawab soalan tambahan memberi pemahaman untuk terima pembelajaran.	3.8063	Tinggi
E-3	Dengan bantuan bahan, nota, tugas, quiz dan ujian secara sistematis memberi lagi pemahaman dan penerimaan dalam pembelajaran.	3.9688	Tinggi
E-4	Saya lebih menerima pembelajaran secara bersemuka.	4.3625	Tinggi
E-5	Saya boleh menerima pembelajaran secara online kerana rakaman pembelajaran boleh diulang untuk lebih pemahaman.	4.1625	Tinggi
<b>JUMLAH</b>		<b>3.8960</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan jadual 5 ini menunjukkan tahap penerimaan pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran adalah tinggi dengan skor min keseluruhan 3.8960 dicatatkan. Pelajar FPM lebih menerima pembelajaran secara bersemuka tetapi mereka boleh menerima pembelajaran secara online kerana rakaman pembelajaran boleh diulang untuk lebih pemahaman. Selain itu, dengan bantuan bahan, nota, tugas, quiz dan ujian secara sistematis memberi lebih lagi pemahaman dan penerimaan dalam pembelajaran secara atas talian. Seterusnya, dengan bantuan pensyarah

yang sedia menjawab soalan tambahan memberikan lebih pemahaman kepada pelajar dan pemahaman yang diterima adalah sangat faham.

Jadual 6 berikut menunjukkan skor min dan tahap faktor pengetahuan dalam penerimaan pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran.

**Jadual 6 : Skor Min Bagi Faktor Pengetahuan**

Bil.	Item	Min	Tahap
B-1	Saya mempunyai kemahiran dalam menggunakan kaedah pembelajaran online dan platform google classroom/KLMS/dll sebagai medium pembelajaran saya.	4.1625	Tinggi
B-2	Saya beranggapan bahawa kaedah pembelajaran online memberi kelebihan dalam membantu pembelajaran saya.	3.4375	Tinggi
B-3	Saya tahu bahawa banyak bahan pembelajaran boleh didapati daripada platform google classroom/KLMS/dll membantu pembelajaran saya.	3.8250	Tinggi
B-4	Saya tahu kaedah pembelajaran online dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik saya.	3.4188	Tinggi
B-5	Saya sedar saya akan ketinggalan jika saya tidak menggunakan platform google classroom/KLMS/dll sebagai pembelajaran saya.	4.2125	Tinggi
<b>JUMLAH</b>		<b>3.8110</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan jadual 6 ini menunjukkan tahap penerimaan pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran adalah tinggi dengan skor min keseluruhan 3.8110 dicatatkan. Faktor pengetahuan menunjukkan tahap penerimaan yang tinggi kerana pelajar FPM sedar bahawa mereka akan ketinggalan jika tidak menggunakan aplikasi google classroom, KLMS dan lain lain sebagai medium pembelajaran dan mereka juga mempunyai kemahiran dalam menggunakan kaedah pembelajaran online dan platform google classroom, KLMS, dan lain lain yang berfungsi sebagai medium pembelajaran mereka. Di samping itu, pelajar FPM juga tahu bahawa banyak bahan pembelajaran boleh didapati daripada platform google classroom, KLMS, dan lain lain yang membantu pembelajaran mereka. Selain itu, mereka beranggap

bahawa kaedah pembelajaran online memberi kelebihan dalam membantu pembelajaran mereka dan dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Jadual 7 berikut menunjukkan skor min dan tahap faktor sikap dalam penerimaan pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran.

**Jadual 7: Skor Min Bagi Faktor Sikap**

Bil.	Item	Min	Tahap
C-1	Saya selesa menggunakan kaedah pembelajaran online sebagai media pembelajaran saya.	3.2188	Sederhana
C-2	Saya selalu menambahbaik pengetahuan saya tentang kaedah pembelajaran online sebagai media pengajaran dan pembelajaran saya.	3.8875	Tinggi
C-3	Saya selalu berbincang dengan rakan-rakan saya dalam menambahbaik pengetahuan saya mengenai kaedah pembelajaran online.	3.9250	Tinggi
C-4	Saya menggunakan kaedah pembelajaran online atau platform google classroom/KLMS/dll untuk mendapatkan bahan pembelajaran saya.	4.1188	Tinggi
C-5	Saya bersedia menghadapi cabaran dalam menggunakan kaedah pembelajaran online sebagai media pembelajaran saya.	3.8500	Tinggi
<b>JUMLAH</b>		<b>3.8000</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan jadual 7 ini menunjukkan tahap penerimaan pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran adalah tinggi dengan skor min keseluruhan 3.8000 dicatatkan. Faktor sikap telah menunjukkan tahap penerimaan pelajar yang tinggi kerana pelajar menggunakan kaedah pembelajaran online atau platform google classroom, KLMS, dan lain lain untuk mendapatkan bahan pembelajaran. Dalam pada itu, pelajar selalu berbincang dengan rakan-rakan dalam menambahbaik pengetahuan mereka mengenai kaedah pembelajaran online yang mereka

jalani. Selain daripada selalu menambahbaik pengetahuan mereka tentang kaedah pembelajaran online sebagai media pengajaran dan pembelajaran, pelajar turut bersedia menghadapi cabaran dalam menggunakan kaedah pembelajaran online sebagai media pembelajaran mereka. Dalam waktu yang sama, pelajar juga selesa menggunakan kaedah pembelajaran online sebagai media pembelajaran.

Jadual 8 berikut menunjukkan skor min dan tahap faktor motivasi dalam penerimaan pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran.

**Jadual 8 : Skor Min Bagi Faktor Motivasi**

Bil.	Item	Min	Tahap
D-1	Saya suka menggunakan kaedah pembelajaran online sebagai medium pembelajaran saya.	3.2313	Sederhana
D-2	Saya mendapat galakan daripada pensyarah untuk menggunakan kaedah pembelajaran online.	3.6688	Tinggi
D-3	Saya mendapat galakan daripada rakan sebaya untuk menggunakan kaedah pembelajaran online sebagai pembelajaran saya.	3.6688	Tinggi
D-4	Saya merasakan penggunaan kaedah pembelajaran online menjimatkan masa.	3.7688	Tinggi
D-5	Saya merasakan penggunaan kaedah pembelajaran online memudahkan dan bermanfaat.	3.6125	Tinggi
<b>JUMLAH</b>		<b>3.5900</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan jadual 8 ini menunjukkan bahawa faktor motivasi juga memainkan peranan penting dalam penerimaan pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran adalah tinggi dengan skor min keseluruhan 3.5900 dicatatkan. Hal ini demikian kerana pelajar merasakan penggunaan kaedah pembelajaran online menjimatkan masa. Lebih-lebih lagi, pelajar mendapat galakan daripada pensyarah untuk menggunakan kaedah pembelajaran online. Selain pensyarah, pelajar turut mendapat galakan daripada rakan sebaya untuk menggunakan kaedah pembelajaran online

sebagai medium pembelajaran mereka. Selain itu, pelajar merasakan penggunaan kaedah pembelajaran online adalah memudahkan dan bermanfaat menyebabkan pelajar suka menggunakan kaedah pembelajaran online sebagai medium pembelajaran mereka.

## Analisis Kolerasi

Berdasarkan jadual 9 di bawah menunjukkan keputusan kolerasi pearson penerimaan pelajar IPT terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran dalam era pandemik COVID-19.

**Jadual 9: Keputusan Kolerasi Pearson Mengukur Objekti Kajian**

		IV1- Faktor Pengetahuan	IV2-Faktor Sikap	IV3-Faktor Motivasi	DV-Penerimaan
<b>IV1-Faktor Pengetahuan</b>	Pearson Correlation	1	.623** .000	.673** .000	.496** .000
	Sig. (2-tailed)				
	N	162	162	162	162
<b>IV2-Faktor Sikap</b>	Pearson Correlation	.623** .000	1 .000	.732** .000	.664** .000
	Sig. (2-tailed)				
	N	162	162	162	162
<b>IV3-Faktor Motivasi</b>	Pearson Correlation	.673** .000	.732** .000	1 .000	.712** .000
	Sig. (2-tailed)				
	N	162	162	162	162
<b>DV-Penerimaan</b>	Pearson Correlation	.496** .000	.664** .000	.712** .000	1
	Sig. (2-tailed)				
	N	162	162	162	162

\*\*Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

Jadual 9 menunjukkan nilai korelasi Pearson, r, adalah .496, satu hubungan positif yang kuat dan nilai ini adalah signifikan ( $p<0.5$ ). nilai r ini menunjukkan wujud perhubungan positif yang kuat dan signifikan antara penerimaan dan faktor pengetahuan. Selain itu, bagi faktor sikap pula, menunjukkan nilai korelasi Pearson, r, adalah .664, satu hubungan positif yang kuat dan nilai ini adalah signifikan ( $p<0.5$ ). nilai r ini menunjukkan wujud perhubungan positif yang kuat dan signifikan antara penerimaan dan faktor sikap. Seterusnya,bagi faktor motivasi, nilai korelasi Pearson, r, adalah .712, satu hubungan positif yang kuat dan nilai ini adalah signifikan ( $p<0.5$ ). Nilai r ini menunjukkan wujud perhubungan positif yang kuat dan signifikan antara penerimaan dan faktor motivasi.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah mengkaji tentang hubungan antara faktor pengetahuan, faktor sikap dan faktor motivasi yang menjadi faktor keberkesanan terhadap penerimaan pelajar ipt

terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran dalam era pandemik covid-19. Berdasarkan hasil kajian, keputusan menunjukkan kesemua pembolehubah mempunyai hubungan yang positif mengenai penerimaan pelajar ipt terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran dalam era pandemik covid-19. Oleh itu, kesemua pelajar ipt harus memainkan peranan dalam memastikan tahap penerimaan pelajar ipt terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) setiasa berada pada tahap yang baik bagi memastikan kurangnya berlaku konflik di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Akhir sekali, pengkaji meminta kepada para penyelidik di masa hadapan agar terus melakukan kajian penerimaan pelajar ipt terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (ONLINE) sebagai medium pembelajaran dalam era pandemik covid-19 bagi membuat penambah baikan dengan memasukkan faktor-faktor lain selain yang terdapat di dalam kajian ini.

## **RUJUKAN**

- Aan Widoyono (2020). *Efektifitas Perkuliahahan daring (online) pada Mahasiswa PGSD di Saat Pandemi Covid 19*. Jurnal Pendidikan, Vol 8, No. 2.
- Agatha F. Umbit & Muhamad Suhaimi Taat (2016). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penerimaan e-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar di Institut*. Jurnal Penyelidikan IPGK BL, 13, 1-14.
- Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin Al Haadi Shafie, Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee & Raja Nur Syafiqah Raja Ashaari (2020). *Strategi Pembangunan Aspek Kesejahteraan Kendiri bagi Mendepani Tekanan Akademik Semasa Wabak COVID-19*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 5, Issue 12, (page 16 - 30), 2020 DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.594>.
- Bernama. (2020). *Akses internet terhad antara cabaran belajar, mengajar dalam talian*. Bernama: Kuala Lumpur.
- Ciampa, K. (2014). *Learning in a Mobile Age: An Investigation of Student Motivation*. Journal of Computer Assisted Learning, 30, 82-96.
- Faizatul Hafizah binti Abdul Halim & Nor Syahilia binti Aris. *Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Teradun (Blended Learning)*. Journal of Technical And Vocational Education. Volume 1, No. 2 Page 53-63.
- Fook, C. Y., & Gurnam, K. S. (2013). *Peranan Teknologi Maklumat Terhadap Peningkatan Motivasi Pembelajaran di Kalangan Pelajar Universiti*. Journal of Chemical Information and Modeling, 53(9), 1689–1699.
- Hazwani Mohd Najib, Noor Raudhiah Abu Bakar, & Norziah Othman. (2016). *E-pembelajaran dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi*. Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah, 1(1), 74-82.
- Kok Boon Shiong1 & Santana Rajan A/L Perumale (2016). *Sistem Pembelajaran Atas Talian untuk Pelajar dalam Perkhidmatan*. Jurnal Penyelidikan Kent Bil. 1.
- Losius Goliong, Ahsly Kasin, Marcelus Johnny, Nazarius G. Yulip (2020). *Cabarannya Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh (PDPCJJ) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*.

Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan & Ch'ng Pei Eng (2020). *Adaptasi Pengajaran dan Pembelajaran Secara Maya dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik Covid-19*. eISBN : 978-967-0841-88-5.

Marni Izzati Kamaruddin (2020). *Perbezaan Tahap Pengetahuan, Penggunaan, dan Penerimaan Guru Bahasa Melayu Berdasarkan Faktor Umur dan Pengalaman Mengajar Ketika Mengaplikasikan Persekutaran Pembelajaran Maya*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. ISSN: 2180-4842. Vol. 10, Bil.2.

Muhammad Izzat bin Mailis, Zuriani Hanim binti Zaini & Nur Hafizaliyana binti Hassan (2020). *Persepsi Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Secara Atas Talian dalam Era Pandemik Covid-19*. Jurnal Kesidang, Volume 5 2020: 88-99.

Nor Halina Noordin, Norhafinas Abd Latib & Norlizawati Binti Hashim (2021). Cabaran Pensyarah Kolej Komuniti dalam Melaksanakan Proses Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian.

Nor Fauziana Mohd Salleh (2020). *Pandemik Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran dan Pengajaran Secara Atas Talian Suatu Keperluan di Malaysia*.

Norazah Mohd. Nordin & Ngau Chai Hong (2009). *Pembangunan dan Penilaian Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Web – Webquest bagi Mata Pelajaran ICT*. Jurnal Pendidikan Malaysia 34(1): 111 – 129.

Norazah bt. Nordin, Sham bin Ibrahim, Zamri bin Mahamod & Mohd. Izham bin Mohd. Hamzah. *Reka Bentuk dan Pembangunan Pembelajaran Atas Talian Menggunakan Sumber Terbuka dalam Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. ISSN: 1985-5826. AJTLHE, Vol.1, No. 2, 47-58.

Nur Syarafina Binti Abdul Rahman, Zainal Fitri Bin Mohd Zolkifli & Ying-Leh Ling (2020). *Kepentingan Kemudahan Teknologi dan Motivasi Membentuk Kesedaran Pelajar dalam Pembelajaran Digital*. National Research Innovation Conference (NRICOn 2020)

Rubiah Omar & Jamilah Hj. Ahmad (2009). *Kesedaran, Penilaian dan Penerimaan e-Pembelajaran dalam Kalangan Ahli Akademik*. Jurnal Pendidikan Malaysia 34(1)(2009): 155 – 172.

Rahamat, R. B., Shah, P. M., Din, R. B., & Aziz, J. B. A. (2017). *Students' Readiness and Perceptions Towards Using Mobile Technologies For Learning The English Language Literature Component*. The English Teacher, 16.

Syed Lamsah Syed Chear (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram Di Universiti Swasta. Jurnal Pendidikan Malaysia, 42 (2) (2017): 87-97.

Suhaizal bin Hashim (2015). *Kesan Sistem Pembelajaran Pentaksiran Portfolio Kolaboratif Terhadap Proses Pentaksiran dan Pembinaan Pengetahuan Pelajar*.

Siti Fatimah Md Azali dan Siti Hasmiza Hassan (2018). *Kajian Penerimaan Pelajar Terhadap Kaedah Massive Open Online Course (MOOC) Sebagai Medium Pembelajaran di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah*. Journal of Technical and Vocational Education (2018). Volume 1. Page 73-86.

Sim Pei Wah (2013). *Faktor-Faktor Penghalang Penglibatan Pelajar Pendidikan Jarak Jauh dalam Pembelajaran Atas Talian di Universiti Sains Malaysia*.

Shakirah Mohd Sofi, Nur Aisyah Insyira Manaf, Helyawati Baharudin & Farhana Abdullah Asuhaimi (2018). *Tahap Pengetahuan, Sikap dan Kesediaan Pelajar terhadap*

*Pembelajaran Aplikasi Mudah Alih Basic Mandarin Languange.* e-ISBN: 978-967-2122-64-7.